

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan segala usaha Kementerian untuk membela nasib ibu-ibu tunggal yang menghadapi masalah kemelut tuntutan nafkah daripada bekas suami yang gagal menunaikan Perintah Mahkamah. Nyatakan kriteria kelayakan dan had umur untuk ibu-ibu tunggal memohon bantuan kebajikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan permasalahan tuntutan nafkah, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa pihak Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP).

Mahkamah Tinggi Sivil selaku pihak yang mengadili kes berkaitan perceraian di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*] yang melibatkan pasangan bukan Islam, berperanan mendengar permohonan pelaksanaan yang difailkan oleh mana-mana pihak tetapi tidak mempunyai obligasi untuk memantau pelaksanaan perintah mahkamah selepas kes diputuskan.

SOALAN NO : 31

Sebarang ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah, pihak yang terkesan boleh mengambil prosiding penghinaan mahkamah (*contempt of court*). Perintah nafkah boleh diubah/ditambah (*vary*) oleh mahkamah atas permohonan pihak-pihak bagi menambahkan keberkesanannya. Sebagai contoh, perintah pemotongan gaji oleh majikan suami bagi pembayaran nafkah anak.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung permohonan bantuan kebajikan bagi ibu tunggal, melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) secara *one-off* berjumlah RM300 seorang kepada 150,000 orang ibu tunggal yang layak di seluruh negara. Tarikh akhir untuk mengemukakan permohonan adalah pada 31 Oktober 2020. Kriteria pemohon BKIT yang layak untuk dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- i. Balu/janda; atau
- ii. Berkahwin tetapi suami sakit terlantar; atau
- iii. Pernah berkahwin dan tidak mempunyai sijil perkahwinan yang didaftarkan; atau
- iv. Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan; atau
- v. Tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak tidak sah taraf/anak angkat; atau
- vi. Ditinggal suami (Ibu tunggal) (suami tidak dapat dikesan/suami di penjara/di pusat pemulihan/ pusat tahanan); atau
- vii. Ibu tunggal yang diisytiharkan bankrap/di penjara; dan
- viii. Ibu tunggal yang terkesan dengan pandemik COVID-19

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tiada had umur ditetapkan bagi permohonan BKIT.